

## BAB 2

### TINJAUAN KARYA BERKAITAN

2.0 Bahagian ini akan membincangkan 6 aspek. Aspek-aspek ini ialah :

- 2.1 Kesan Nilai-nilai Moral Dalam Perkembangan Kanak-kanak
- 2.2 Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Akhlak Kanak-kanak
- 2.3 Peranan Guru Dalam Pembentukan Akhlak Kanak-kanak
- 2.4 Peranan Sekolah Dalam Pembentukan Akhlak Kanak-kanak
- 2.5 Pandangan-pandangan Terhadap Penerapan Nilai moral
- 2.6 Kesimpulan

#### 2.1. KESAN NILAI-NILAI MORAL DALAM PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Pendidikan Moral kini merupakan satu mata pelajaran yang amat penting yang dapat membentuk akhlak seseorang insan khasnya kanak-kanak. Kanak-kanak kecil boleh dibaratkannya sebelai kertas putih, pada kertas putih ini diwarnakan putih maka putihlah kertas ini dan sekiranya diwarnakan hitam maka hitamlah kertas ini. Ini bermaksud ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam mencorakkan masa depan dan peribadi seseorang anak. Untuk tujuan ini, Kementerian Pendidikan negara Malaysia telah menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berbunyi:

'Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat

Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Jafni(1987)(m.s. 132} telah menyatakan terdapatnya kesan nilai-nilai moral dalam perkembangan kanak-kanak. Menurutnya terdapat 8 kesan kesemuanya yang boleh disenaraikan seperti berikut:

i. Memiliki Emosi Yang Stabil Dan Tenteram

Emosi yang stabil atau lebih dikenali sebagai EQ merupakan satu sifat yang perlu ada pada seseorang manusia. Dengan adanya sifat ini iaitu emosi yang stabil dan tenteram baru sahaja seseorang manusia dapat menghadapi dunia yang penuh dengan cabaran ini. Emosi yang stabil dan tenteram ini dapat menjamin seseorang tidak akan tercengang-cengang dan tidak tahu bertindak dengan sewajarnya apabila berhadapan dengan sesuatu insiden yang berlaku secara tiba-tiba itu.

ii. Menyediakan Kematangan Moral

Kematangan moral merupakan satu sifat yang penting terutama bagi orang dewasa. Sebagai orang dewasa, seseorang harus mempunyai sifat toleransi, amanah, bekerjasama, menjunjung kedaulatan undang-undang dan sebagainya. Pengajaran moral akan dapat menjamin kanak-kanak membesar menjadi insan yang mempunyai kematangan moral yang mampu menyesuaikan diri ke dalam hidup yang penuh dengan pancaroba ini.

iii. Menyediakan Diri Memiliki Identiti Diri Yang Positif Dan Kecekapan Dalam Sesuatu:

Setiap insan yang hidup di dalam dunia ini perlu memiliki identiti yang akan melambangkan keutuhan dirinya sebagai individu yang istimewa. Pembelajaran moral akan memastikan seseorang individu mempunyai identiti yang dapat disanjung tinggi oleh anggota masyarakat. Di samping itu, pengajaran moral juga dapat menjamin seseorang individu mempunyai sikap positif dalam menghadapi dunia. Sikap positif akan menjadikan seseorang tidak mudah putus asa dan tabah menghadapi apa jua keadaan. Sifat yang tidak mudah mengaku kalah dan optimistik ini pasti akan dapat menjamin hidup yang bahagia dan sejahtera.

iv. Berusaha Memajukan Diri Bagi Mengekalkan Kecemerlangan

Pengajaran moral juga bertujuan untuk menjamin kanak-kanak menjadi insan yang senantiasa berusaha memajukan diri dan mencapai tahap kecemerlangan dalam hidupnya. Mencapai hidup yang sempurna dan harmonis memang menjadi impian setiap insan di dunia ini. Akan tetapi untuk mencapai kesejahteraan hidup memerlukan kegigihan dan ketabahan serta keazaman yang berterusan baru dapat dicapai hidup yang diidam-idamkan ini. Kanak-kanak yang mempelajari moral ini mempunyai peluang yang lebih besar mencapai tahap kecemerlangan dalam hidupnya.

v. Peka Kepada Keindahan Dan Menghargai Kecantikan:

Nilai estetika juga satu nilai yang harus ada seseorang insan. Manusia harus berkebolehan menghayati dan menghargai keindahan dan kecantikan. Sesuatu yang indah, perlu mendapat sanjungan dan sesuatu yang jijik perlu dikutuk. Pengajaran moral akan dapat menjamin kanak-kanak menyukai keindahan dan membencikan perbuatan-perbuatan yang keji dan jijik. Ini akan memastikan kanak-kanak memiliki sifat yang murni ini.

vi. Berkeupayaan Meninjau Masa Hadapan Dan Tahu Memilih Masa Depan Diri Yang Diinginkannya

Kanak-kanak yang diajar Pendidikan Moral juga berupaya menentukan masa depannya sendiri. Setiap insan di dunia ini sering dikehendaki mampu memilih masa depan dan menentukan 'destiny'nya (nasib) sendiri. Masa depan tidaklah seharusnya ditentukan orang lain, walaupun orang itu ibu bapa kita, sebaliknya setiap individu perlu dan harus berkemampuan menentukan nasib dan masa depannya. Dengan cara ini barulah seseorang dapat hidup sejahtera dan bahagia.

vii. Melahirkan Individu Yang Sihat Dari Segi Fizikal Dan Mental:

Setiap insan di dunia ini perlu sihat dari segi fizikal dan mental untuk menjamin hidup bahagia. Kesihatan fizikal dapat diperolehi sekiranya seseorang sering bersukan

dan memakan makanan yang seimbang. Kesihatan mental pula dapat diperolehi dengan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang sihat seperti melakukan kerja-kerja amal, bergaul dengan jiran dan anggota masyarakat yang lain. Kanak-kanak harus diterapkan dengan semangat ini agar mereka membesar menjadi manusia yang mempunyai nilai murni ini.

#### viii. Melahirkan Pemastautin Dunia Yang Bertanggungjawab:

Pepatah Inggeris berkata 'Seorang insan bukanlah sebuah pulau' yang bermaksud manusia tidak boleh mengasingkan diri daripada orang lain, sebaliknya harus hidup berkelompok dan saling sandar-menaydar. Oleh itu nilai semangat bermasyarakat merupakan salah satu nilai murni yang amat penting dan perlu dimiliki setiap individu. Menerusi pengajaran moral ini maka kanak-kanak akan dijamin memiliki nilai murni ini. Ini seterusnya akan dapat menjamin kanak-kanak akan membesar dan menjadi pemastautin dunia yang bertanggungjawab suatu hari nanti.

### 2.2 PERANAN IBU BAPA DALAM PEMBENTUKAN MORAL

Adalah menjadi satu hakikat yang tidak dapat dinafikan yang ibu bapa memainkan peranan yang amat penting di dalam pembentukan akhlak anak-anak kecil. Tanggungjawab ibu bapa bukan setakat menyara hidup anak-anaknya sahaja. Selain daripada menyara hidup anak-anaknya, ibu bapa juga dipertanggungjawabkan dengan tugas mendidik dan mengasuh anak-anak mereka. Anak-anak kecil apabila mencapai 7 tahun

akan dihantar ke sekolah untuk menerima pendidikan formal di mana anak-anak kecil ini akan diajar membaca, menulis dan mengira. Di samping itu, anak-anak kecil juga akan diterapkan dengan nilai-nilai murni agar mereka dapat membesar menjadi insan yang harmonis dan bermoral.

Ai Wei, seorang pakar pendidikan kanak-kanak, dalam akhbar Sin Chew Jit Poh, bulan Disember 1995, menyatakan memang tidak dinasikan guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akhlak generasi muda, akan tetapi peranan ibu bapa dalam tanggungjawab ini juga tidak harus dipandang sepi. Walaupun agak sukar untuk menilai manakah pihak iaitu ibu bapa atau guru yang memainkan peranan yang lebih penting dalam usaha pembentukan akhlak anak-anak kecil, akan tetapi yang nyata ibu bapa turut memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akhlak seseorang insan. Ini adalah disebabkan seseorang anak mempunyai masa yang lebih panjang bersama dengan ibu bapa berbanding dengan masa bersama dengan gurunya. Seseorang anak, sejak ia dilahirkan sehingga dia dimasukkan ke sekolah, masa untuk budak itu berdamping dengan ibu bapa adalah jauh lebih banyak berbanding dengan anak itu berada di sekolah.

Ibu bapa bukan sahaja mempunyai masa yang lebih banyak bersama anaknya, malahan hubungan dengan anak juga jauh lebih mesra berbanding dengan hubungan anak itu dengan guru-gurunya. Ibu bapa bukan sahaja menyekolahkan anak mereka, mereka juga menjaga makan minum anak mereka. Ini akan dapat menjalinkan hubungan yang

rapat antara dua pihak ini. Dengan demikian mereka akan mengenakan pengaruh yang amat kuat terhadap anak-anak mereka.

Guru tidak dapat mengenakan pengaruh yang amat kuat terhadap murid-muridnya juga disebabkan seorang guru yang mengajar tidak cuma mengajar seorang atau dua orang murid sahaja sebab di dalam sesebuah kelas itu murid sering adalah ramai dan adakalanya melebihi 40 orang murid. Maka di dalam keadaan yang sedemikian rupa di mana seseorang guru terpaksa menjaga sehingga 40 orang murid, macam mana guru itu dapat menjaga dengan baik dan mengenakan pengaruh yang banyak sebagaimana pengaruh yang dapat dikenakan seorang bapa itu? Inilah sebabnya dikatakan ibu bapa memainkan peranan yang amat penting dalam usaha pembentukan akhlak anak-anak muda.

### 2.3. PERANAN GURU DALAM PEMBENTUKAN MORAL

Dalam pembentukan akhlak kanak-kanak, selain daripada peranan yang dimainkan oleh kaum ibu bapa, kaum guru juga memainkan satu peranan yang amat penting. Ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah selain daripada berharap anak-anak mereka dapat diajar membaca, menulis dan mengira, mereka juga mahukan anak-anak mereka diterapkan nilai-nilai murni agar menjadi insan yang bermoral. Pada pandangan ibu bapa, adalah tidak berguna sekiranya anak-anak mereka berpelajaran tinggi tetapi tidak bermoral.

Oleh itu jelaslah bahawa guru merupakan pihak yang amat penting dalam usaha pembentukan moral anak-anak muda. Iqbal et.al (1992) (m.s. 69) telah membincangkan peranan guru dalam pembentukan moral anak-anak muda. Menurutnya guru boleh memainkan 6 peranan seperti berikut:

#### i. Guru Sebagai Pendidik

Guru sebagaimana namanya 'pengajar' adalah berperanan untuk mengajar. Boleh dikatakan mengajar merupakan tanggungjawab utama seorang guru akan tetapi tanggungjawab guru bukanlah cuma mengajar apa yang terkandung di dalam kurikulum sahaja, apa yang terkandung di dalam ko-kurikulum juga diajar dan diterapkan ke dalam jiwa kanak-kanak. Penerapan nilai-nilai murni juga merupakan satu tanggungjawab yang utama yang perlu dilakukan kaum guru. Nilai-nilai murni ini banyak diterapkan menerusi mata pelajaran Pendidikan Moral yang menjadi satu mata pelajaran yang semakin penting. Di samping Pendidikan Moral, nilai-nilai murni juga diterapkan menerusi semua mata pelajaran lain yang diajar di sekolah, menerusi satu usaha yang disebut penerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum. Ini bermaksud bukan sahaja guru Pendidikan Moral sahaja yang bertanggungjawab menerapkan nilai-nilai murni, tetapi semua guru tidak kira apa juar mata pelajaran yang diajar, mereka turut dipertanggungjawab untuk menerapkan nilai-nilai murni ke dalam jiwa murid-murid yang mereka ajar itu.

#### ii. Guru Sebagai Agen Perubahan

Semua masyarakat tidak kira masyarakat barat ataupun timur, perlu berkembang dan berubah. Tidak ada satu masyarakatpun yang statik tanpa berubah dan tanpa bergerak ke hadapan. Kaum guru sebagai satu kaum yang berpelajaran dan berpengetahuan, memainkan peranan sebagai agen perubahan dalam masyarakat. Guru sering merupakan golongan yang pertama menerima perubahan dan pembaharuan di dalam sesuatu masyarakat. Perubahan yang dialaminya akan diterap pula kepada anak-anak muridnya terutama sekali dirasakan perubahan yang dialaminya itu dirasakan suatu perubahan yang memanfaatkan.

Memang tidak dinatakan perubahan dan perkembangan juga dialami golongan lain di dalam masyarakat, akan tetapi kaum gurulah yang lebih dapat menerapkan perubahan ini ke dalam jiwa murid-murid. Ini adalah disebabkan pada anggapan murid-murid khasnya murid-murid yang masih muda, guru merekalah manusia yang paling handal dan paling berilmu, yang menjadi model kepada mereka. Oleh yang demikian, perubahan yang dibawa guru akan dihayati murid-murid dan seterusnya kepada seluruh masyarakat.

### iii. Guru Sebagai Model

Guru, terutama sekali guru yang bertanggungjawab, sering dihormati dan disanjung tinggi oleh murid-muridnya. Segala tindak-tanduk, kata tutur guru yang disanjung tinggi ini akan dicontohi dan diteladani oleh anak-anak muridnya. Murid-murid sering menjadikan guru yang dihormati mereka itu sebagai model dalam hidup

mereka. Oleh yang demikian, kaum guru memang mempunyai tanggungjawab yang berat dan harus berhati-hati dan menjaga imej diri mereka agar tetap dapat dijadikan teladan dan model kepada murid-murid mereka.

#### iv. Guru Sebagai Pembimbing Dan Pemudahlicara

Guru selain daripada sebagai model, guru juga harus memainkan peranan sebagai pembimbing. Sebagaimana yang diketahui, guru sebagai manusia yang lebih berilmu dan berpengalaman dalam hidup, sudah pasti lebih mengetahui dalam serba-serbi. Maka guru pasti dapat membimbing anak-anak murid dalam menghadapi hidup mereka. Dalam menjalani hidup, para pelajar pasti akan menghadapi pelbagai rintangan dan cabaran yang sering tidak dapat diatasi disebabkan kurangnya pengetahuan dan pengalaman. Para guru yang merupakan insan yang lebih berilmu akan dapat membantu membimbing pelajar-pelajar mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi mereka itu.

#### v. Guru Sebagai Kaunselor

Dunia ini satu dunia yang penuh dengan pancaroba. Macam-macam dugaan dan cabaran terpaksa dihadapi anak-anak muda khasnya yang masih di atas bangku sekolah. Masalah-masalah yang dihadapi mereka itu ada yang merupakan masalah pelajaran, ada yang berkaitan dengan keluarga, ada yang merupakan masalah percintaan dan ada pula yang berkaitan dengan pergaulan. Masalah-masalah ini ada yang dapat diselesaikan dan

lebih banyak lagi yang merupakan masalah-masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh pelajar itu sendiri. Maka dalam konteks inilah guru yang boleh membantu mereka mengatasi masalah-masalah yang dihadapi itu. Guru khasnya yang terlatih dengan kemahiran membimbing akan dapat membimbing dan memberi kaunseling bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi mereka itu.

#### vi. Guru Sebagai Hakim

Di dalam alam persekolahan, seseorang pelajar sering terpaksa bergaul dengan pelajar-pelajar lain. Dalam kebanyakan kes, pergaulan ini merupakan sesuatu yang menggembirakan. Namun ada kalanya pergaulan ini akan menimbulkan perbalahan dan perselisihan. Apabila berlakunya perbalahan, masing-masing pihak tidak mahu mengalah, masing-masing berpendapat pihaknya lah pihak yang benar. Sekiranya perselisihan faham ini tidak diselesaikan, maka ini akan mengakibatkan perbalahan yang berpanjangan. Maka dalam keadaan inilah guru boleh masuk campur dan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar-pelajar itu. Guru akan bertindak sebagai hakim dan membantu menyelesaikan masalah itu secara adil.

### 2.4. PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBENTUKAN MORAL

Sekolah turut membantu dalam pembentukan moral pelajar-pelajar. Suasana yang kondusif, riang, mesra dan tenteram harus diwujudkan bagi menjamin pembentukan moral pelajar yang sempurna. Untuk tujuan ini, Pusat Perkembangan Kurikulum

Kementerian Pendidikan pada tahun 1989 telah mengenal pasti 10 aspek yang perlu diambil perhatian bagi membentuk sifat-sifat para pelajar yang baik.

i. Aspek Kebersihan:

Kebersihan di sini meliputi bangunan, kawasan sekolah, bilik darjah yang bersih sementara pekerja-pekerja, guru-guru, pelajar-pelajar berpakaian kemas.

ii. Aspek Keselamatan:

Pihak sekolah haruslah menentukan bahawa bangunan sekolah adalah selamat, mestilah berpagar untuk menjaga keselamatan para pelajar dan mencegah orang luar daripada menceroboh kawasan sekolah. Di samping itu, pihak sekolah mesti mengadakan latihan kebakaran dan berusaha mencegah kebakaran. Pihak sekolah harus juga berupaya memberi pertolongan cemas sekiranya ada pelajar yang jatuh sakit tiba-tiba.

iii. Keselesaan

Pihak sekolah haruslah memastikan perabot adalah selesa dan sesuai; ruangnya terang dan pengudaraan adalah baik.

iv. Keindahan

Pihak sekolah juga harus memastikan keindahan dan keceriaan kawasan sekolah adalah memuaskan. Seboleh-bolehnya mural dilukis dan kata-kata

hikmah ditulis agar dapat memberangsangkan pembelajaran.

v. Hormat-menghormati

Pihak pentadbiran diharap dapat menerapkan nilai murni hormat ke dalam jiwa semua warga sekolah agar dapat hormat menghormati antara satu sama lain.

Di samping itu, semua warga sekolah juga dikehendaki bertegur sapa dan mengucapkan salam serta mematuhi peraturan sekolah.

vi. Rasa Tanggungjawab

Semua warga sekolah perlu bersifat berdikari, berdisiplin dan bertanggungjawab terhadap sekolah dan bersama-sama berusaha membina sekolah yang beriklim kondusif dan memberangsangkan pembelajaran.

vii. Bekerjasama

Pihak pentadbiran berusaha melahirkan warga sekolah yang bersedia untuk bekerjasama dan rela menjalankan tugas dengan sebaik mungkin.

viii. Kemesraan dan Keriangan

Semua pihak di sekolah digalakkan agar beramah tamah dan berbaik-baik antara satu dengan yang lain.

## 2.5 PANDANGAN-PANDANGAN TERHADAP PENERAPAN NILAI

Adalah menjadi satu hakikat bahawa sesuatu perubahan dalam moral seseorang itu tidaklah datang secara tiba-tiba, sebaliknya perubahan itu berlaku secara beransur-ansur melalui pembelajaran dan peniruan sikap orang lain. Oleh demikian, penerapan nilai-nilai murni menerusi pembelajaran di sekolah amatlah penting. Kohlberg (1973) (m.s. 38) menekankan pembelajaran nilai di kalangan kanak-kanak. Menurut beliau, pembelajaran nilai murni ini boleh dirumuskan kepada lima peringkat seperti di bawah.

i. Peringkat Menerima:

Pada peringkat ini, murid-murid cuma menerima apa yang diberitahu kepada mereka oleh guru, ibu bapa atau rakan-rakan mereka. Namun demikian, penerimaan ini adalah bersifat secara memilih. Ini bermaksud mereka tidaklah menerima apa jua yang diberitahu dan disampaikan kepada mereka itu. Mereka akan bertanya serta mengenal pasti sesuatu yang diberitahu itu adalah benar dan boleh diterima.

ii. Peringkat Tindak Balas

Dalam peringkat ini murid-murid akan bertindak balas terhadap sesuatu yang dinyatakan itu. Mereka akan mengambil peranan yang aktif dan melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran itu.

iii. Peringkat Menilai

Dalam peringkat ini, murid-murid berkenaan akan membuat penilaian tentang sesuatu perkara yang dinyatakan itu. Mereka akan mencuba mempertimbangkan sesuatu perkara atau sesuatu perbuatan untuk mengetahui baik buruknya atau benar atau sebaliknya pernyataan itu.

#### iv. Peringkat Menyusun

Peringkat menyusun ini merupakan satu peringkat di mana murid-murid akan menyusun nilai-nilai yang diterima mereka itu. Untuk menyusun, mereka akan mengelas, membanding, melengkap, mengubhasuai dan membuat sintesis.

#### v. Peringkat Menerapkan

Dalam peringkat ini murid-murid bersedia untuk menerima nilai-nilai murni yang diajar kepada mereka itu. Nilai-nilai murni yang diterapkan itu akan menjadi sebatи dalam hidup mereka dan menjadi amalan hidup mereka.

Bagi Sufean (1989) pula, pembentukan moral mempunyai hubungan yang rapat dengan perkembangan pemikiran moral kanak-kanak. Pada pendapat beliau, pembentukan pemikiran boleh dikelaskan ke dalam empat corak seperti berikut:

##### i. Pemikiran Bertumpu:

Dalam pemikiran bertumpu ini, seseorang individu akan menyusun idea yang diperolehi dari berbagai-bagai sumber untuk mendapatkan satu jawapan yang munasabah.

#### ii. Pemikiran Tersebar

Dalam corak ini seseorang individu akan juga menyusun idea-idea yang diperolehi bagi mendapatkan beberapa jawapan yang mungkin itu.

#### iii. Pemikiran Kritis

Dalam tahap ini seseorang individu akan menilai idea-idea yang diperolehi untuk membuat keputusan. Beberapa alternatif difikirkan sebelum mencapai satu keputusan muktamad.

#### iv. Pemikiran Kreatif

Di dalam kelas ini individu bebas untuk berfikir dan tidak terhad kepada sesuatu bentuk atau terkawal oleh sesuatu faktor.

Mukerjee (1965), ahli fikir India yang terkenal menyatakan bahawa nilai adalah terbit daripada keinginan dan motif dan dibentuk serta diperakukan oleh budaya dan masyarakat. Nilai ini mengikat individu secara halus dan senyap.

Rescher (1961) berpendapat bahawa nilai dan kehidupan manusia sememangnya tidak boleh dipisahkan kerana manusia sebagai insan yang rasional dan aktif sering membuat pertimbangan. Dengan terperinci lagi, Rescher mengusulkan beberapa untuk melihat pegangan nilai seseorang seperti berikut :

- i. Motif dan perangai - berani, murah hati, teliti
- ii. Keadaan fizikal - sihat, bersih, tegap

- iii. Keupayaan dan kemahiran - cergas, tabah, cekap
- iv. Keadaan pemikiran atau sikap - patriotik, acuh tak acuh
- v. Sifat Trait - tenang, degil, pemarahi
- vi. Keadaan urusan - keadilan ekonomi, penindasan

Alam sekolah memainkan peranan penting di dalam pembentukan sahsiah seseorang murid telah dibincangkan Barry. Barry (1973) telah menyatakan strategi dan pendekatan guru, norma hubungan guru dengan murid, norma hubungan pelajar sesama pelajar, telah memainkan peranan penting dalam pembentukan sahsiah seseorang pelajar.

Malangnya kajian dalam bidang pengajaran moral di sekolah agak kurang. Fatimah (1992) merupakan salah seorang pengkaji tempatan yang mencuba mengkaji hal ini. Dalam kajian yang dijalankan pada 1992 itu, beliau mendapati perbezaan yang agak ketara dari segi keberkesanannya pemahaman nilai-nilai murni di antara pelajar-pelajar pinggir bandar dan pelajar-pelajar luar bandar.

Ketidakberkesanannya pengajaran Pendidikan Moral juga dikatakan berpunca daripada hakikatnya itu tidak merupakan satu mata pelajaran dalam peperiksaan awam. Oleh itu, Awang Idris Salleh pada tahun 1992 telah menyatakan bahawa sekiranya kita mahukan pengajaran moral ini benar-benar berkesan tak lain tak bukan ialah dengan menjadikannya sebagai satu mata pelajaran peperiksaan

## 2.6 KESIMPULAN

Tinjauan di atas menunjukkan bahawa penerapan nilai murni melalui sistem persekolahan merupakan satu usaha yang memperoleh persetujuan ahli-ahli pendidik, dan kajian dalam bidang ini telah banyak dijalankan. Namun begitu, kajian penampilan nilai-nilai murni menerusi buku teks Bahasa Cina, sehingga kini belum terdapat lagi di negara ini. Inilah sebabnya pengkaji berniat untuk mengisi kekosongan ini. Adalah diharapkan dengan kajian ini dapat merangsangkan lebih banyak pengkaji untuk menjalankan kajian di dalam bidang ini.